

11/08/2002

Pemimpin BN diminta tidak sombong

IPOH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pemimpin Barisan Nasional (BN) supaya tidak sombong, lupa daratan dan menunjuk-nunjukkan kemewahan yang ada, kerana ia boleh menyebabkan mereka kalah dalam pilihan raya.

Perdana Menteri berkata, sikap sombong dan menunjuk kemewahan dikhuatiri akan mengikis sokongan rakyat kepada mereka. Sebagai ahli politik, mereka perlu sedar bahawa tempat yang diduduki sekarang adalah hasil sokongan rakyat. Ia mungkin hilang jika tidak dijaga.

"Jika tidak hargai (sokongan), berlagak sombong dan tidak kenal daratan, saya khuatir kita tidak disokong dan akan hilang tempat (jawatan)," katanya ketika berucap pada majlis makan malam sempena Kejohanan Badminton Piala Perdana 2002 dan Meraikan 21 Tahun Perkhidmatan Dr Mahathir Sebagai Perdana Menteri di sini, malam tadi.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa Menteri Besar serta pemimpin parti komponen BN seperti MCA, MIC dan Gerakan.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menggamatkan dewan apabila berduet menyanyikan sebuah lagu serta memotong tiga kek iaitu kek hari jadi, ulang tahun perkahwinan dan 21 tahun menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, pemimpin perlu pandai menawan hati rakyat serta tahu menghargai sokongan.

"Jika kita nampak sombong, hidup terlalu mewah...ini tidak disukai rakyat.

"Eloklah duit yang banyak dibelanjakan ke tempat lain yang orang tidak tahu," katanya.

Beliau juga berkata, sikap kurang yakin terhadap `orang baru' perlu dihakis kerana `orang baru' itu mungkin lebih baik berbanding pemimpin terdahulu.

"Kita selalu kurang yakin terhadap `orang baru' bila sampai masanya memilih Menteri Besar atau Perdana Menteri baru.

"Perasaan was-was memang ada dan kadang-kadang kita kurang hormati orang baru," katanya.

Dr Mahathir berkata, sudah menjadi naluri manusia menghargai seseorang yang berada dalam sesuatu jawatan atau tempat pada tempoh yang lama.

"Kalau dia ada di tempat itu sekian lama, kita nampak dia seperti manusia luar biasa dan orang hormati.

"Ini naluri manusia seolah-olah orang yang kita kenal itu tidak mungkin jadi luar biasa tapi sebenarnya semua sama saja," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak menganggap dirinya pemimpin terbaik yang boleh dijadikan contoh atau ikutan.

"Saya biasanya meminta segala pujian diberikan kepada Allah dan manusia ini hidup sementara serta kadang-kadang meninggalkan kesan atau sebaliknya," katanya.